



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

#### GALERI PAMERAN ROBOTIK ‘CYBERNETICS’

#### TARIKAN TERBAHARU DI PUSAT SAINS NEGARA CAWANGAN WILAYAH UTARA

---

**ALOR SETAR, 30 JUN 2022** - Menteri Sains, Teknologi, dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba hari ini telah merasmikan **Galeri Pameran Robotik Cybernetics** yang merupakan tarikan terbaru di Pusat Sains Negara (PSN) Cawangan Wilayah Utara.

Berkeluasan 500 meter persegi, Galeri Pameran Robotik Cybernetics atau ringkasnya Galeri Cybernetics ini mengetengahkan sebanyak 16 bahan pameran. Dengan tema **‘CYBERNETICS: Dunia Interdimensi Anda’**, galeri ini bakal memberi pengalaman menyeronokkan termasuk berpeluang berinteraksi dengan robot secara interaktif.

“Sebagaimana kita sedia maklum, lazimnya masyarakat luar bandar kurang mempunyai akses kepada pameran-pameran sains yang kebanyakannya tertumpu di ibu negara. Lantas, di bawah kepimpinan saya, saya sentiasa meminta agar pameran sains turut dibawa ke akar umbi sejarah dengan hasrat MOSTI untuk membudayakan sains dan memupuk minat anak-anak dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM),” kata YB Dato' Sri Dr. Adham Baba.

Beliau turut berharap agar Galeri Cybernetics ini dapat menarik minat golongan muda untuk berkecimpung dalam dunia robotik dan automasi.

“Siapa tahu, generasi muda inilah yang bakal menyokong keperluan modal insan dalam sektor industri di Wilayah Utara seperti di Kulim *Hi Tech Park*, Bayan Lepas *Free Trade Zon*, Seberang Jaya *Industrial Estate*, Kedah *Rubber City* dan yang akan datang iaitu Kedah *Aerotropolis*,” katanya.

Pengarah PSN, YBrs. Puan Mismah Jimbun berkata, galeri ini menempatkan sebanyak 16 bahan pameran yang menjelaskan teknologi robotik dengan tiga (3) elemen utama iaitu *sensoring*, *thinking* dan *action* dalam membantu, memudahkan serta mempengaruhi aktiviti seharian. Galeri ini juga terbahagi kepada lima (5) segmen utama iaitu Warisan Automasi Islam, Anatomi Robot, *Machine In Action*, *Beat The Machines* dan Industri Pintar.

Selain daripada itu, PSN Cawangan Wilayah Utara juga turut membangunkan sebuah sudut baharu iaitu *Tinkering Station* yang menyediakan fasiliti, peralatan dan ruang yang kondusif dengan menawarkan aktiviti berdasarkan kemahiran seperti membaiki peralatan, mereka bentuk dan kemahiran kreatif lain seperti mengukir, menghias, mengait serta banyak lagi.

Sempena perasmianya, tiket masuk ke Galeri Cybernetics ini adalah PERCUMA selama satu minggu bermula pada Sabtu, 2 Julai 2022 sehingga Sabtu, 9 Julai 2022. Diharapkan agar Keluarga Malaysia di Wilayah Utara akan mendapat manfaat daripada kunjungan ke Galeri Cybernetics ini.

**#TAMAT#**

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**30 JUN 2022**